

**D.R. 4/96**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1996.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Seksyen 13, 14, 15 (kecuali setakat yang ia berhubungan dengan seksyen 26B), 42, 43 dan 46 hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subperenggan 2(a)(i).

(3) Seksyen 2(a) (setakat yang ia berhubungan dengan subperenggan (ii) dan (iii)), 4, 5, 9, 10, 11, 12, 15 (setakat yang ia berhubungan dengan seksyen 26B), 16, 17, 35, 36, 37, 39(b), 40, 43, 44, 45, 47, 48, 49 dan 50(b) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1976.

Pindaan  
seksyen 2.  
Akta 77.

**2.** Akta Angkatan Tentera 1972, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas—

(i) takrif "tahanan gaji" takrif yang berikut:

' "tarikh ditetapkan" ertinya suatu tarikh sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya berbagai-bagai peruntukan dan tarikh-tarikh itu bolehlah lebih awal daripada tarikh Akta ini disiarkan;'

(ii) takrif "penangkapan" takrif yang berikut:

' "Perintah Majlis Angkatan Tentera" ertinya arahan atau perintah yang dikeluarkan oleh Majlis Angkatan Tentera menurut Akta ini;'; dan

(iii) takrif "kesalahan awam" takrif yang berikut:

' "Ketua Perkhidmatan" ertinya Ketua Tentera Darat, Ketua Tentera Laut atau Ketua Tentera Udara, mengikut mana-mana yang berkenaan;'; dan

(b) dalam takrif "pegawai" dengan menggantikan perkataan "kadet laut, pegawai kadet atau kadet udara" dengan perkataan "atau pegawai kadet".

Pindaan  
seksyen 3.

**3.** Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (5) dengan menggantikan perkataan "kapten tentera laut atau kapten tentera udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya".

Seksyen baru  
5A, 5B, 5c dan  
5D.

**4.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

"Perkhid-  
matan  
di luar  
Malaysia. 5A. Majlis Angkatan Tentera boleh menghendaki seseorang pegawai atau askar-laskar berkhidmat di luar Malaysia.

Pertugasan pegawai atau askar-laskar kepada angkatan di dalam dan di luar Malaysia.

Akta 432.

5B. (1) Majlis Angkatan Tentera boleh mempertugaskan buat sementara mana-mana pegawai atau askar-laskar kepada—

- (a) mana-mana angkatan pelawat yang ada di Malaysia menurut perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 17 Akta Angkatan Pelawat 1960; atau
- (b) mana-mana angkatan asing sesuatu negara lain di luar Malaysia.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat menurut perenggan (b) subseksyen (1) hendaklah mengikat pegawai atau askar-laskar, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada undang-undang tentera di bawah Akta ini setakat, dan tertakluk kepada apa-apa padanan dan ubahsuaian sebagaimana yang diperuntukkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pertugasan anggota angkatan itu di negeri itu.

Peminjaman pegawai atau askar-laskar.

5c. Majlis Angkatan Tentera boleh meminjamkan seseorang pegawai atau askar-laskar ke perkhidmatan—

- (a) sesuatu jabatan Kerajaan Persekutuan;
- (b) sesuatu Negeri;
- (c) sesuatu pihak berkuasa tempatan;
- (d) sesuatu badan berkanun; atau
- (e) sesuatu organisasi,

di dalam atau di luar Malaysia:

Dengan syarat bahawa pegawai atau askar-laskar itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus menjadi anggota angkatan tetap tetapi saraannya hendaklah

dibayar oleh jabatan Kerajaan Persekutuan, Negeri, pihak berkuasa atau organisasi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang kepada perkhidmatannya dia dipinjamkan.

Kegunaan bagi maksud operasi. 5D. Seksyen 5A, 5B(1)(b) dan 5c tidaklah terpakai berhubungan dengan kegunaan bagi maksud operasi pegawai atau askar-laskar, mengikut mana-mana yang berkenaan."

Pindaan seksyen 6.

**5. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—**

(a) dengan menomborkannya semula sebagai subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

" (2) Jika orang yang dikurniakan sesuatu tauliah di bawah subseksyen (1) adalah seorang pegawai dalam angkatan sukarela, Majlis Angkatan Tentera boleh menerima perkhidmatan yang diambilkira pegawai itu, jika ada, termasuk pangkatnya yang terakhir dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya sebagai perkhidmatan yang diambilkira.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), seksyen 15 hendaklah terpakai."

Pindaan seksyen 10.

**6. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—**

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

" Perlantikan pegawai muda laut dan pegawai kadet."; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "pemangku naib leftenan laut, pegawai muda laut, kadet laut, pegawai kadet atau kadet udara" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "pegawai muda laut atau pegawai kadet".

**7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:** Pindaan baru 10A.

"Pegawai kadet boleh membayar untuk pemberhentian kerja. 10A. Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini, seseorang pegawai kadet, selain daripada askar-laskar yang telah dilantik sebagai pegawai kadet, boleh, sebelum habis tempoh tiga bulan mulai dari tarikh perlantikannya, memohon kepada pihak berkuasa kompeten bagi pemberhentian kerja dan dengan keizinan Majlis Angkatan Tentera dan atas pembayaran sejumlah wang yang tidak melebihi enam bulan elaunnya sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan itu dia hendaklah diberhentikan kerja dengan seberapa segera yang boleh."

**8. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan ", leftenan dalam Tentera Laut dan leftenan udara dalam Tentera Udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya dalam Tentera Laut dan Tentera Udara".** Pindaan seksyen 12.

**9. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—** Pindaan seksyen 13.

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "satu perkhidmatan lain" perkataan "atau dalam Perkhidmatan yang sama";
- (b) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "satu Perkhidmatan lain", perkataan ", atau daripada satu kor atau cawangan kepada satu kor atau cawangan lain dalam Perkhidmatan yang sama,"; dan
- (c) dalam subseksyen (2) dan (3) dengan memasukkan selepas perkataan "Perkhidmatan" di mana jua terdapat dalamnya perkataan ", kor atau cawangan".

**10. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—** Pindaan seksyen 15.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "peraturan-peraturan" perkataan "termasuk peraturan-peraturan yang memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera"; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "mereka" perkataan ", termasuk penyerapan, pertugasan dan pinjaman mana-mana pegawai kepada mana-mana badan, angkatan atau perkhidmatan,".

Pindaan  
seksyen 16.

**11.** Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menomborkannya sebagai "16.(1)"; dan  
(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

" (2) Jika orang yang didaftarkan di bawah subseksyen (1) adalah seorang anggota sukarela, Majlis Angkatan Tentera boleh menerima perkhidmatan yang diambil kira anggota sukarela itu, jika ada, termasuk pangkatnya yang terakhir dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya sebagai perkhidmatan yang diambil kira.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), seksyen 36 hendaklah terpakai."

Pindaan  
seksyen 21.

**12.** Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

" (2) Seseorang soldadu boleh, pada bila-bila masa, dengan persetujuannya ditukarkan daripada satu kor kepada suatu kor lain dengan perintah pihak berkuasa yang layak:

Dengan syarat bahawa semasa wujud keadaan berperang di antara Yang di-Pertuan Agong dengan mana-mana kuasa asing atau dalam masa berkuatkuasanya suatu Perisytiharan Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, soldadu itu boleh ditukarkan sedemikian tanpa persetujuannya."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

" (5) Seksyen ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi seseorang askar-laskar yang didaftarkan dalam Tentera Laut dan Tentera Udara."

**13.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 24A dan 24B.

Seksyen 24,25 dan 26 tidak terpakai. 24A. Seksyen 24, 25 dan 26 tidaklah terpakai bagi seseorang yang mendaftar dalam angkatan tetap pada atau selepas tarikh yang ditetapkan.

Tempoh pendaftaran askar-laskar yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan. 24B. (1) Tempoh dalam mana seseorang yang mendaftar dalam angkatan tetap pada atau selepas tarikh yang ditetapkan boleh didaftarkan ialah suatu tempoh, mulai dari tarikh penyaksiannya, sebagaimana yang tersebut dalam peruntukan yang berikut dalam seksyen ini.

(2) Jika orang yang mendaftar itu telah mencapai umur lapan belas tahun, tempoh tersebut ialah suatu tempoh selama dua belas tahun, iaitu tempoh perkhidmatan penuh masa.

(3) Jika orang yang mendaftar itu belum mencapai umur lapan belas tahun, tempoh tersebut ialah suatu tempoh yang berakhir dengan tamatnya dua belas tahun, mulai dari tarikh dia mencapai umur itu, iaitu tempoh perkhidmatan penuh masa."

**14.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 25 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 25A.

Perlanjutan perkhidmatan askar-laskar yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan. 25A. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini, seseorang dalam perkhidmatan penuh masa dan yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan boleh, dengan membuat permohonan bertulis kepada pihak berkuasa yang layak dan dengan persetujuan pihak berkuasa itu, dibenarkan melanjutkan tempoh perkhidmatan penuh masanya daripada dua belas tahun kepada lima belas tahun:

Dengan syarat bahawa permohonan itu hendaklah dibuat sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamat perkhidmatan penuh masanya di bawah seksyen 24A.

(2) Sebagai balasan bagi seseorang yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan—

- (a) kerana dibenarkan menjalani sesuatu kursus latihan yang ditetapkan atau suatu kursus latihan bagi suatu kelas yang ditetapkan; atau
- (b) kerana diberi apa-apa faedah atau kemudahan lain sebagaimana yang ditetapkan,

orang itu boleh dikehendaki oleh pihak berkuasa yang layak membuat pengakuan, dalam borang yang ditetapkan, supaya tidak menamatkan perkhidmatan penuh masanya sebelum tamat sesuatu tempoh bermula pada hari tamatnya kursus latihan itu sebagaimana yang ditetapkan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum tamat sesuatu tempoh mengikut sebagaimana yang ditetapkan berhubung dengan faedah atau kemudahan lain itu."

Seksyen  
baru 26A, 26B  
dan 26c.

**15.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 26 seksyen yang berikut:

"Pertugasan semula askar-laskar yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan. 26A. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini, sesiapa jua dalam perkhidmatan penuh masa di bawah seksyen 24A atau 25A yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan boleh, jika ia berkehendakkan sedemikian, memohon kepada pihak berkuasa yang layak dan dengan kelulusan pihak berkuasa yang layak itu, dibenarkan bertugas semula bagi suatu tempoh atau beberapa tempoh dalam perkhidmatan penuh masa yang semuanya akan berjumlah kepada tempoh dua puluh satu tahun perkhidmatan penuh masa yang terus menerus:

Dengan syarat bahawa permohonan itu hendaklah dibuat sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamatnya perkhidmatan penuh masanya di bawah seksyen 24A atau 25A.

(2) Seseorang yang telah dibenarkan bertugas semula di bawah subseksyen (1) boleh, jika dia berkehendakkan sedemikian memohon kepada pihak berkuasa yang layak dan dengan kelulusan pihak berkuasa yang layak itu, terus berkhidmat bagi segala maksud seolah-olah tempoh perkhidmatan penuh masanya belum lagi tamat:

Dengan syarat bahawa permohonan itu hendaklah dibuat sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan penuh masanya selama dua puluh satu tahun.

Tiada perlanjutan atau pertugasan semula selepas lima puluh lima tahun.

26B. Tertakluk kepada seksyen 27 dan 30, tiada seorang pun boleh melanjutkan tempoh perkhidmatan penuh masanya atau dibenarkan bertugas semula jika kesan perlanjutan atau pertugasan semula itu menghendaknya berkhidmat selepas mencapai umur lima puluh lima tahun.

Perkhidmatan dalam simpanan bagi askar-laskar.

26c. (1) Seseorang, sama ada dalam perkhidmatan penuh masa dalam angkatan tetap atau dalam simpanan menurut seksyen 24 hingga 26A, hendaklah apabila diberhentikan kerja dipindahkan kepada simpanan bagi suatu tempoh selama lima tahun mulai dari hari berikutan hari diberhentikan kerja itu mula berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh dikehendaki berkhidmat dalam simpanan setelah dia mencapai umur lima puluh tahun.

(2) Majlis Angkatan Tentera boleh atas budi bicaranya mengecualikan mana-mana orang atau kategori orang daripada perkhidmatan simpanan itu."

Pindaan  
seksyen 36.

**16.** Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "peraturan-peraturan" perkataan "termasuk peraturan-peraturan yang memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui Majlis Angkatan Tentera"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "perkhidmatan mereka" perkataan "termasuk penyerapan, pertugasan dan pinjaman kepada mana-mana badan, angkatan atau perkhidmatan,".

Pindaan  
seksyen 51.

**17.** Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

" (3) Perintah tetap atau perintah biasa lain yang diperihalkan dalam subseksyen (2) bolehlah dibuat dan disiarkan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Ketua Perkhidmatan bagi setiap Perkhidmatan atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya."

Pindaan  
seksyen 81.

**18.** Seksyen 81 Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "pegawai waran, ketua pegawai kecil, pegawai tidak bertauliah atau pegawai kecil" dengan perkataan "askar-laskar".

Pindaan  
Seksyen 90.

**19.** Seksyen 90 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2)—
  - (i) dalam perenggan (f) dengan menggantikan perkataan "pegawai waran, pegawai tidak bertauliah, askar atau askar udara" dengan perkataan "askar-laskar"; dan
  - (ii) dalam perenggan (g) dengan memasukkan selepas perkataan "diturunkan taraf" perkataan "ke suatu pangkat tidak rendah daripada laskar kelas dua atau yang setaraf dengannya"; dan

- (b) dalam subseksyen (6) dengan menggantikan perkataan ", ketua pegawai kecil, pegawai tidak bertauliah, atau pegawai kecil atau ketua laskar" dengan perkataan "atau pegawai tidak bertauliah".

**20.** Seksyen 93 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 93.

- (a) dengan menggantikan perkataan ", ketua pegawai kecil, pegawai tidak bertauliah, pegawai kecil atau ketua laskar" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "atau pegawai tidak bertauliah"; dan
- (b) dalam subseksyen (5) dengan menggantikan perkataan "Ketua pegawai kecil, pegawai tidak bertauliah, pegawai kecil" dengan perkataan "pegawai tidak bertauliah".

**21.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 94 seksyen baru yang berikut:

Seksyen baru  
94A, 94B, 94c  
dan 94D.

"Ketua  
Mashal  
Polis  
Tentera.

94A. (1) Majlis Angkatan Tentera hendaklah melantik seorang Ketua Mashal Polis Tentera bagi ketiga-tiga Perkhidmatan.

(2) Ketua Mashal Polis Tentera hendaklah—

- (a) bertindak sebagai Pegawai Turus kepada Ketua Turus Angkatan Tentera mengenai perkara-perkara tatatertib; dan
- (b) menjalankan tugas-tugas Mashal Polis Tentera—
- (i) jika dua atau lebih daripada dua Perkhidmatan berkhidmat bersama di bawah seksyen 169; dan
- (ii) jika diarahkan oleh Majlis Angkatan Tentera berhubungan dengan perkara disiplin mengenai mana-mana satu Perkhidmatan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, Ketua Mashal Polis Tentera boleh—

- (a) melantik beberapa orang pegawai; dan
- (b) di bawah hal keadaan yang diperihalkan dalam subperenggan (b) (ii) subseksyen (2), mengarahkan pegawai polis tentera Perkhidmatan itu,

untuk membantunya dalam menjalankan tugasnya.

Mashal  
Polis  
Tentera  
dan  
pegawai  
polis  
tentera.

94B. (1) Ketua Perkhidmatan berkenaan boleh melantik seorang Mashal Polis Tentera dan beberapa orang pegawai polis tentera sebagaimana yang dia anggap perlu bagi Perkhidmatannya.

(2) Mashal Polis Tentera dan pegawai polis tentera yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah menjalankan tugas yang diberi oleh atau di bawah Akta ini, dan terutamanya hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Perlantikan  
atau  
pemberi-  
kuasaan  
pegawai  
penyiasat  
lain.

94c. Walau apa pun peruntukan seksyen 94A dan 94B, mana-mana anggota angkatan tentera boleh dilantik atau diberikuasa oleh pihak berkuasa yang layak untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Pengesahan.

94D. Seseorang Mashal Polis Tentera, pegawai polis tentera, pegawai penyiasat atau pegawai diberikuasa yang dilantik atau diberikuasa sebelum mula berkuatkuasanya seksyen 94B atau 94c hendaklah disifatkan telah dilantik atau diberikuasa di bawah seksyen 94B atau 94c, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan oleh orang sedemikian sebelum mula berkuatkuasanya seksyen 94B dan 94c yang akan menjadi sah di sisi undang-undang jika peruntukan-peruntukan itu telah berkuatkuasa pada masa tindakan atau

perkara itu dilakukan adalah dengan ini disahkan dan diisytiharkan sebagai telah dilakukan secara sah di sisi undang-undang."

**22. Seksyen 96 Akta ibu adalah dipinda—**

Pindaan  
seksyen 96.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan ", komander atau komander udara, atau terhadap seseorang pemangku naib leftenan laut" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya atau terhadap";
- (b) dengan menggantikan perkataan "seseorang pegawai muda laut, kadet laut, pegawai kadet, kadet udara" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "seseorang pegawai yang dilantik"; dan
- (c) dalam perenggan (4)(a) dengan memotong perkataan ", pemangku naib leftenan laut".

**23. Seksyen 97 Akta ibu adalah dipinda—**

Pindaan  
seksyen 97.

- (a) dengan menggantikan perkataan "seseorang pegawai muda laut, kadet laut, pegawai kadet, kadet udara" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "seseorang pegawai yang dilantik";
- (b) dalam perenggan (3)(a) dengan menggantikan perkataan ", soldadu atau askar udara" dengan perkataan "atau prebet atau yang setaraf dengannya";
- (c) dalam perenggan (3)(b) dengan memasukkan selepas perkataan "penurunan taraf" di mana jua terdapat dalamnya perkataan "ke pangkat yang tidak rendah daripada laskar kelas dua atau yang setaraf dengannya";
- (d) dengan menggantikan perkataan "ketua pegawai kecil, pegawai tidak bertauliah, pegawai kecil atau ketua laskar" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "pegawai tidak bertauliah";

- (e) dalam subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan "seseorang pegawai muda laut, kadet laut, pegawai kadet atau kadet udara" dengan perkataan "seseorang pegawai yang dilantik";
- (f) dalam subseksyen (6)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan ", pemangku ketua pegawai kecil, pemangku pegawai tidak bertauliah, pemangku pegawai kecil atau pemangku ketua laskar" dengan perkataan "atau pemangku pegawai tidak bertauliah"; dan
  - (ii) dengan memotong perkataan "atau memegang sesuatu pangkat atau taraf memangku. yang lebih rendah daripada yang dipegangnya tetapi yang lebih tinggi daripada pangkat atau taraf tetapnya"; dan
- (g) dalam subseksyen (10) dengan menggantikan perkataan ", kapten laut atau kapten udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya".

Pindaan  
seksyen 98.

**24.** Seksyen 98 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan ", pemangku naib leftenan laut".

Pindaan  
seksyen 100.

**25.** Seksyen 100 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "kapten laut atau kapten udara" dengan perkataan "yang setaraf dengannya".

Pindaan  
seksyen 101.

**26.** Seksyen 101 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan ", kapten laut atau kapten udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya".

Pindaan  
seksyen 104.

**27.** Seksyen 104 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2)—

- (a) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "Ketua Turus Tentera Darat" dengan perkataan "Panglima Tentera Darat";

- (b) dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan "Ketua Turus Tentera Laut" dengan perkataan "Panglima Tentera Laut";
- (c) dalam perenggan (d) dengan menggantikan perkataan "Ketua Turus Tentera Udara" dengan perkataan "Panglima Tentera Udara"; dan
- (d) dalam perenggan (e) dengan menggantikan perkataan ", kapten laut atau kapten udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya";

**28.** Seksyen 105 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 105.

- (a) dengan menggantikan perkataan ", komander atau komander udara" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya";
- (b) dalam subseksyen (5)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan ", leftenan komander atau komander muda udara" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya"; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan ", leftenan laut atau leftenan udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya";
- (c) dengan menggantikan perkataan ", kapten laut atau kapten udara" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan " atau yang setaraf dengannya"; dan
- (d) dalam subseksyen (6) dengan menggantikan perkataan ", komodor atau komodor udara " dengan perkataan " atau yang setaraf dengannya".

**29.** Seksyen 106 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (3)—

Pindaan  
seksyen 106.

- (a) dengan menggantikan perkataan ", leftenan laut atau leftenan udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya "; dan

(b) dengan menggantikan perkataan ", leftenan komander atau komander muda udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya".

Pindaan  
seksyen 111.

**30.** Seksyen 111 Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan (3)(a) dengan menggantikan perkataan ", leftenan laut atau leftenan udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya".

Pindaan  
seksyen 129.

**31.** Seksyen 129 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan ", kapten laut atau kapten udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya".

Pindaan  
seksyen 136.

**32.** Seksyen 136 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan ", komander muda atau komander muda udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya".

Pindaan  
seksyen 144.

**33.** Seksyen 144 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "atau seksyen 48 atau kesalahan tinggal tugas melainkan jika perbicaraan ke atas kesalahan itu telah dimulakan" dengan perkataan ", 48, 61, 77, 88 atau kesalahan tinggal tugas melainkan jika perintah sidang dikeluarkan dan disampaikan kepadanya"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "dan apa-apa tempoh dalam mana ia telah tidak hadir dengan menyalahi undang-undang" dengan perkataan ", apa-apa tempoh dalam mana dia telah tidak hadir dengan menyalahi undang-undang, atau apa-apa tempoh mulai dari tarikh pemfailan prosiding bagi kajian semula dalam Mahkamah Tinggi sehingga tarikh pemberesan muktamad prosiding itu"; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(5) Dalam seksyen ini, "kajian semula" termasuklah presiding yang dimulakan secara—

- (a) sesuatu permohonan bagi apa-apa perintah prerogatif bagi *mandamus*, larangan atau certiorari;
- (b) sesuatu permohonan bagi suatu perisytiharan atau injunksi;
- (c) sesuatu writ *habeas corpus*; atau
- (d) apa-apa guaman lain, tindakan atau lain-lain prosiding undang-undang berhubung dengan atau yang berbangkit daripada apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh mahkamah tentera atau pihak berkuasa penyidangan mengikut Akta ini."

**34.** Seksyen 147 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan ", naib leftenan laut atau naib leftenan udara" dengan perkataan "atau yang setaraf dengannya". Pindaan seksyen 147.

**35.** Seksyen 155 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "yang baginya peraturan-peraturan" perkataan "dan Perintah Majlis Angkatan Tentera". Pindaan seksyen 155.

**36.** Seksyen 156 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 156.

- (a) Dalam subseksyen (1) dengan memasukkan sebelum takrif "ditetapkan" takrif yang berikut:

' "askar-laskar" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 dan hendaklah juga termasuk seorang askar-laskar dalam Simpanan Angkatan Tetap dan seorang anggota sukarela;'; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

" (4) Sebutan-sebutan dalam Bahagian ini mengenai pegawai-pegawai tidak bertauliah

termasuklah sebutan-sebutan mengenai pemangku pegawai-pegawai tidak bertauliah dan pemangku pegawai-pegawai waran."

Pindaan  
seksyen 157.

**37.** Seksyen 157 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "peraturan-peraturan" perkataan "termasuk peraturan-peraturan yang memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera".

Pindaan  
seksyen 166.

**38.** Seksyen 166 Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan (1)(b) dengan menggantikan perkataan "pegawai kecil" dengan perkataan "yang setaraf dengannya".

Pindaan  
seksyen 184.

**39.** Seksyen 184 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (2) dengan memotong perkataan "ketua pegawai kecil" dan "atau pegawai kecil"; dan

(b) dalam subseksyen (4) dengan memotong perkataan 'dan perbahasaannya "Ketua Turus yang berkenaan" hendaklah diertikan sebagai Ketua Turus Tentera Darat berkenaan dengan seseorang yang berkhidmat dengan Tentera Darat, Ketua Turus Tentera Laut berkenaan dengan seseorang yang berkhidmat dalam Tentera Laut dan Ketua Turus Tentera Udara berkenaan dengan seseorang yang berkhidmat dalam Tentera Udara.'

Pindaan  
seksyen 187.

**40.** Seksyen 187 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "membuat peraturan-peraturan" perkataan "termasuk peraturan-peraturan yang memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera".

Seksyen baru  
187A dan  
187B.

**41.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 187 seksyen yang berikut:

Pungutan  
caruman.

187A. (1) Pihak berkuasa yang layak boleh nemungut apa-apa caruman yang difikirkannya

patut bagi maksud meningkatkan kebajikan dan memperuntukkan lain-lain faedah, termasuk penubuhan mes di berbagai-bagai unit, bagi anggota Angkatan Tentera dan keluarga mereka.

(2) Bagi maksud Bahagian V, caruman hendaklah disifatkan sebagai harta perkhidmatan.

(3) Majlis Angkatan Tentera boleh mengeluarkan Perintah Majlis Angkatan Tentera bagi maksud seksyen ini termasuk mengadakan peruntukan bagi perlantikan orang yang olehnya dan cara yang mana caruman itu akan ditadbirkan, diuruskan, dikawal dan dibayar.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "unit" ertinya Markas, pengkalan, kapal, stesen, depot, pusat latihan atau apa-apa yang bersamaan dengannya.

Pengesahan caruman yang dipungut.

187B. Apa-apa caruman yang dipungut dan apa-apa wang yang dibelanjakan daripadanya bagi mana-mana tempoh sebelum mula berkuatkuasanya peruntukan ini yang akan menjadi sah di sisi undang-undang jika peruntukan ini telah berkuatkuasa adalah dengan ini disahkan dan diisytiharkan telah dipungut dan dibelanjakan secara sah di sisi undang-undang."

**42.** (1) Seksyen 188 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

Pindaan seksyen 188.

" (1) Apabila meletakkan jawatan, tamat atau bersara dari perkhidmatan, tiap-tiap pegawai angkatan tetap hendaklah berkhidmat dalam suatu Simpanan Pegawai dari Perkhidmatannya sendiri bagi suatu tempoh tidak lebih daripada lima tahun mulai dari hari yang berikutan dengan hari pemberhentian, perletakan jawatan, penamatan atau persaraan dari perkhidmatan itu berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa Majlis Angkatan Tentera boleh atas budi bicaranya mengecualikan mana-mana pegawai atau kategori pegawai sedemikian daripada perkhidmatan simpanan itu.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi pegawai-pegawai angkatan tetap yang pada atau selepas tarikh yang ditetapkan itu masih berkhidmat dengan angkatan tetap."

Seksyen  
baru 189A.

**43.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 189 seksyen yang berikut:

Pangkat  
semasa  
berkhidmat  
dalam  
Simpanan  
Angkatan  
Tetap.

189A. (1) Seseorang pegawai atau askar-laskar yang berkhidmat dalam Simpanan Angkatan Tetap adalah berhak sepanjang tempoh perkhidmatannya dalam simpanan memegang pangkat hakiki yang akhir dipegang olehnya semasa berkhidmat dalam angkatan tetap.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang pegawai dalam Simpanan Angkatan Tetap yang telah berkhidmat sebagai seorang pegawai yang ditauliahkan bagi suatu tempoh yang ditetapkan dalam angkatan tetap hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai bertauliah."

Pindaan  
seksyen 194.

**44.** Seksyen 194 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "berkenaan dengan" perkataan "termasuk peraturan-peraturan yang memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera".

Pindaan  
seksyen 197.

**45.** Seksyen 197 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Ketua Turus Tentera Darat", "Ketua Turus Tentera Laut" dan "Ketua Turus Tentera Udara" masing-masing dengan perkataan "Panglima Tentera Darat", "Panglima Tentera Laut" dan "Panglima Tentera Udara".

**46.** Seksyen 201 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 201.

" (4) Tiap-tiap anggota sesuatu angkatan sukarela yang telah tamat latihan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) boleh dikehendaki berkhidmat dalam angkatan sukarela bagi apa-apa tempoh minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang

**47.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 201 seksyen yang berikut: Seksyen baru 201A.

Bahagian II, III dan IV hendaklah terpakai bagi angkatan sukarela. 201 A. Setakat yang ia tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Bahagian ini, dan bagi kepentingan perkhidmatan, Majlis Angkatan Tentera boleh memakai *mutatis mutandis*, apa-apa peruntukan Bahagian II, III dan IV selain daripada seksyen 23 hingga 27 dan seksyen 29 hingga 31 bagi anggota angkatan sukarela."

**48.** Seksyen 206 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "membuat kaedah-kaedah" perkataan "termasuk kaedah-kaedah yang memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera". Pindaan seksyen 206.

**49.** Seksyen 207 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 207.

(a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "peraturan-peraturan" perkataan "termasuk peraturan-peraturan yang memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Angkatan Tentera"; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dalam perenggan (a) dengan memasukkan selepas perkataan "angkatan sukarela" perkataan "dan tempoh minimum yang baginya orang-orang itu boleh ditauliahkan atau didaftarkan"; dan

- (ii) dalam perenggan (*j*) dengan memasukkan selepas perkataan "kesalahan-kesalahan" perkataan "ringan termasuk perkara-perkara prosedur yang berhubung dengannya".

Pindaan  
seksyen 213.

**50.** Seksyen 213 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "pangkat-pangkat yang tidak bertauliah" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "askar-laskar"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

" (7) Berkenaan dengan Bahagian V, bagi maksud seksyen ini, jika mana-mana peruntukan dalamnya menetapkan bahawa sesuatu tindakan boleh dilakukan oleh seseorang anggota angkatan tetap yang mempunyai suatu pangkat tertentu atau yang memegang sesuatu jawatan tertentu, dan Simpanan Angkatan Tetap atau angkatan sukarela tidak mempunyai seorang anggota yang mempunyai pangkat sedemikian atau memegang jawatan sedemikian, maka seorang anggota angkatan tetap yang mempunyai pangkat itu atau yang memegang jawatan itu boleh menjalankan tindakan sedemikian berhubung dengan seseorang anggota Simpanan Angkatan Tetap atau angkatan sukarela."

Pemansuhan.  
Akta  
A583/1984.

**51.** Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1984 adalah dengan ini dimansuhkan.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Angkatan Tentera 1972 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan tentang perkara-perkara permulaan termasuk mula berkuatkuasanya Akta ini.
3. *Fasal 2* bertujuan memasukkan takrif baru tertentu bagi istilah yang digunakan dalam Akta, iaitu takrif "tarikh yang ditetapkan", "Perintah Majlis Angkatan Tentera" dan "Ketua Perkhidmatan".
4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan empat seksyen baru. Seksyen 5A memperuntukkan bahawa Majlis Angkatan Tentera boleh menghendaki seseorang pegawai atau askar-laskar berkhidmat di luar Malaysia. Seksyen 5B memberi kepada Majlis Angkatan Tentera kuasa untuk mempertugaskan buat sementara mana-mana pegawai atau askar-laskar kepada mana-mana angkatan asing di dalam atau di luar Malaysia sementara seksyen 5c memberi kepada Majlis Angkatan Tentera kuasa untuk meminjamkan mana-mana pegawai atau askar-laskar kepada mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan', Negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun atau organisasi, di dalam atau di luar Malaysia. Seksyen 5D bertujuan memperuntukkan bahawa seksyen 5A, 5B(1)(b) dan 5c tidaklah terpakai berhubung dengan kegunaan secara operasi pegawai atau askar-laskar, mengikut mana-mana yang berkenaan. Ini adalah bertepatan dengan Perkara 137(1) Perlembagaan Persekutuan.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 6 Akta untuk memberi kepada Majlis Angkatan Tentera kuasa untuk menerima perkhidmatan yang diambil kira, jika ada, seseorang pegawai angkatan sukarela yang ditauliahkan ke dalam angkatan tetap. *Fasal 10* bertujuan melakukan perkara yang sama berkenaan dengan askar-laskar.
6. *Fasal 7* bertujuan memasukkan seksyen baru 10A untuk membenarkan seseorang pegawai kadet," selain daripada askar-laskar yang telah dilantik sebagai pegawai kadet, membayar untuk pemberhentian kerjanya dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera dalam masa tiga bulan dari tarikh perlantikannya. Ini adalah bertujuan memberi kepada pegawai kadet yang baru dilantik peluang untuk berhenti daripada Angkatan Tentera jika dia dapati jawatan itu tidak sesuai untuknya.
7. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 13 Akta untuk memperluaskan pemakaian seksyen itu kepada pertukaran seseorang pegawai dari satu kor atau cawangan kepada satu kor atau cawangan lain dalam Perkhidmatan yang sama.
8. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen. 15 Akta untuk membenarkan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera mengadakan peruntukan yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera. Ia juga bertujuan meluaskan bidang perkara-perkara yang akan ditadbirkan oleh peraturan-peraturan. *Fasal 16* bertujuan membuat perkara yang sama berkenaan dengan peraturan-peraturan mengenai askar-laskar.

9. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 21 Akta bagi maksud kejelasan dan juga untuk memperluaskan pemakaian seksyen itu kepada Tentera Laut dan Tentera Udara.

10. *Fasal 13* bertujuan memasukkan dua seksyen baru. Seksyen 24A memperuntukkan bahawa seksyen 24, 25 dan 26 tidaklah terpakai bagi seseorang yang mendaftar dalam angkatan tetap pada atau selepas tarikh yang ditetapkan. Seksyen 24B bertujuan memperuntukkan tempoh pendaftaran askar-laskar yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan. Jika orang yang mendaftar telah mencapai umur lapan belas tahun, pendaftaran permulaan ialah bagi tempoh dua belas tahun.

11. *Fasal 14* bertujuan memasukkan seksyen baru 25A untuk membolehkan perkhidmatan askar-laskar yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan dilanjutkan daripada dua belas kepada lima belas tahun perkhidmatan penuh masa.

12. *Fasal 15* bertujuan memasukkan tiga seksyen baru ke dalam Akta. Seksyen 26A mengadakan peruntukan bagi pertugasan semula askar-laskar yang mendaftar pada atau selepas tarikh yang ditetapkan. Seksyen 26B melarang perkhidmatan mana-mana askar-laskar dilanjutkan atau dipertugaskan semula selepas mencapai umur lima puluh lima tahun. Seksyen 26c memasukkan kehendak bagi askar-laskar yang masih berkhidmat dalam angkatan tetap atau simpanan pada atau selepas tarikh yang ditetapkan supaya, apabila berhenti kerja daripada perkhidmatan penuh masa, hendaklah berkhidmat dalam simpanan selama lima tahun atau sehingga berumur lima puluh tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal. Majlis Angkatan Tentera mempunyai budi bicara untuk mengecualikan mana-mana orang atau kategori orang daripada perkhidmatan simpanan sedemikian.

13. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 51 Akta untuk membolehkan Ketua Perkhidmatan bagi setiap Perkhidmatan yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Ketua Perkhidmatannya membuat perintah tetap atau lain-lain perintah biasa.

14. *Fasal 21* bertujuan memasukkan empat seksyen baru 94A, 94B, 94c dan 94D, yang dicadangkan untuk memperuntukkan perkara-perkara termasuk perlantikan Ketua Mashal Polis Tentera, Mashal Polis Tentera, pegawai polis tentera dan pegawai penyiasat.

15. *Fasal 33* bertujuan meminda subseksyen 144(1) Akta untuk memperluaskan kesalahan-kesalahan yang dikecualikan daripada pemakaiannya kepada seksyen 61, 77 dan 88. Kecuali bagi kesalahan-kesalahan ini, tempoh had masa tiga tahun bagi sesuatu pembicaraan melalui mahkamah tentera bermula dari tarikh kesalahan itu dilakukan hingga tarikh perintah sidang itu dikeluarkan dan disampaikan kepada orang tertuduh. Selanjutnya, fasal itu

bertujuan memperuntukkan bahawa dalam mengira tempoh had masa ini, tempoh dalam mana prosiding kajian semula kehakiman diambil hendaklah tidak diambil kira.

16. *Fasal 35, 37, 40, 44 dan 48* bertujuan memasukkan pindaan yang seumpamanya masing-masing kepada seksyen 155, 157, 187, 194 dan 206. Pindaan itu dicadangkan untuk membenarkan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera.

17. *Fasal 41* bertujuan memasukkan dua seksyen baru. Seksyen 187A memberikuasa penubuhan berbagai-bagai tabung untuk kebajikan dan faedah Angkatan Tentera serta keluarga mereka. Seksyen 187B memberi pengesahan kepada tabung yang ditubuhkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

18. *Fasal 42* bertujuan meminda seksyen 188 Akta untuk memasukkan dasar baru mengenai pewujudan simpanan pegawai yang akan terpakai bagi semua pegawai yang pada atau selepas tarikh perlington masih berkhidmat dalam angkatan tetap.

19. *Fasal 43* bertujuan memasukkan seksyen baru 189A kepada Akta untuk memperuntukkan bahawa seseorang pegawai atau askar-laskar yang berkhidmat dalam Simpanan Angkatan Tetap hendaklah menjawat pangkat hakiki yang terakhir yang dipegang olehnya semasa berada dalam perkhidmatan tetap. Bagi maksud ini, subseksyen 189A(2) memperuntukkan bahawa pegawai bertauliah perkhidmatan jangka pendek yang berkhidmat dalam Angkatan Tetap hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai bertauliah.

20. *Fasal 46* bertujuan meminda seksyen 201 Akta untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota angkatan sukarela yang telah tamat latihan boleh diperlukan terus berkhidmat dalam angkatan sukarela bagi tempoh minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 207 Akta. *Fasal 48* pula meminda seksyen 207 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi preskripsi suatu tempoh minimum itu.

21. *Fasal 47* bertujuan memasukkan seksyen baru 201A untuk membenarkan Majlis Angkatan Tentera memakai, *mutatis mutandis* peruntukan tertentu Bahagian II, III dan IV Akta kepada anggota angkatan sukarela jika ianya tidak berlawanan dengan peruntukan Bahagian IX Akta.

22. *Fasal 50* bertujuan meminda seksyen 213 Akta untuk membolehkan Simpanan Angkatan Tetap menggunakan struktur dan organisasi angkatan tetap yang sedia ada bagi maksud kesalahan dan hukuman perkhidmatan.

23. *Pasal 51* bertujuan membatalkan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1984.

24. Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebutkan dengan khusus adalah berbangkit yang perlu disebabkan pertukaran pangkat dalam Angkatan Tentera dan tatanama sesetengah pangkat.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang. [U<sup>2</sup> 1430.]